

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA (PMKS) MALAYSIA 2024

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) PMKS berkembang 5.8 peratus, menyumbang 39.5 peratus kepada ekonomi Malaysia pada 2024

PUTRAJAYA, 31 JULAI 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan statistik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia bagi tahun 2024. Statistik PMKS ini merangkumi sumbangan PMKS kepada ekonomi dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Eksport dan Guna tenaga.

PMKS Malaysia terus menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaian dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar pada tahun 2024, dengan pertumbuhan dipacu terutamanya oleh pemuliharaan berterusan dalam sektor pelancongan dan aktiviti berorientasikan pengguna. Industri berkaitan pelancongan seperti perdagangan borong & runcit, makanan & minuman, penginapan serta pengangkutan kekal menjadi pemacu utama kepada prestasi PMKS. Lonjakan ketibaan pelancong asing, terutamanya dari China dan India, disokong oleh kadar pertukaran yang menggalakkan telah memperkuatkannya kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Kerajaan terus memperkuatkannya sokongan terhadap PMKS dalam usaha meningkatkan kapasiti dan keupayaan melalui pendigitalan dan inovasi serta mempertingkatkan daya saing PMKS di pasaran global.

KDNK PMKS Malaysia bertumbuh 5.8 peratus pada tahun 2024, menyumbang nilai ditambah sebanyak RM652.4 bilion atau 39.5 peratus daripada KDNK Malaysia. PMKS mencatatkan pertumbuhan sedikit tinggi berbanding pertumbuhan keseluruhan KDNK Malaysia iaitu 5.1 peratus pada tahun 2024. Sebagai perbandingan, KDNK PMKS meningkat 4.9 peratus pada tahun 2023, dengan nilai ditambah berjumlah RM616.6 bilion.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Perkembangan ini disokong oleh prestasi yang stabil dalam sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang merangkumi 84.7 peratus daripada KDNK PMKS. Ini diikuti oleh sektor Pertanian (8.7%), Pembinaan (5.0%) dan Perlombongan & pengkuarian (0.5%). Dari segi prestasi sektoral, sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus pada tahun 2024 berbanding 6.5 peratus pada tahun sebelumnya. Prestasi yang menggalakkan disokong oleh peningkatan dalam Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan (4.5%); Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan (8.4%); dan Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (8.6%). Sektor Pembuatan meningkat 5.0 peratus pada tahun 2024 (2023: 1.5%), didorong oleh pertumbuhan lebih baik dalam pengeluaran Pembuatan lain (3.9%), Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka (8.1%) dan Makanan, minuman & tembakau (5.3%)."

Selain itu, nilai ditambah PMKS sektor Pertanian menunjukkan pertumbuhan lebih baik iaitu 2.5 peratus, berikutan pertumbuhan marginal 0.8 peratus pada tahun 2023. Prestasi ini disokong oleh subsektor Getah, kelapa sawit, ternakan & pertanian lain (2.6%) dan Perikanan (3.1%). Sektor Pembinaan meningkat ketara iaitu 17.3 peratus daripada 5.8 peratus pada tahun 2023. Sementara itu, sektor Perlombongan & pengkuarian meningkat 3.8 peratus (2023: 4.4%).

Eksport PMKS

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Eksport PMKS pada tahun 2024 berjumlah RM196.8 bilion, merekodkan pertumbuhan 31.3 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini disokong oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing meningkat sebanyak 114.8 peratus (2023: 16.4%) dan 7.9 peratus (2023: -0.7%). Eksport PMKS menyumbang 14.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada tahun 2024, merangkumi sektor Pembuatan (8.8%), diikuti Perkhidmatan (5.2%) dan Pertanian (0.3%)."

Eksport PMKS bagi sektor Pembuatan meningkat kepada RM122.0 bilion pada tahun 2024 berbanding RM113.1 bilion pada tahun 2023. Pelbagai barang keluaran kilang, jentera & kelengkapan pengangkutan dan barang-barang keluaran kilang merupakan pemacu utama sektor ini, menyumbang 60.3 peratus pada tahun 2024. Singapura merupakan negara destinasi utama bagi eksport PMKS sektor Pembuatan dengan sumbangan 16.0 peratus, diikuti oleh China (13.6%) dan Amerika Syarikat (12.3%).

Pada masa yang sama, PMKS Malaysia dalam sektor Perkhidmatan telah menunjukkan prestasi eksport yang kukuh pada tahun 2024, dengan jumlah eksport melonjak daripada RM33.2 bilion pada tahun 2023 kepada RM71.3 bilion. Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh eksport Perjalanan, sejajar dengan pemuliharan

kukuh ketibaan pelawat antarabangsa yang meningkat daripada 29.0 juta kepada 38.0 juta orang. Di samping Perjalanan, Perkhidmatan perniagaan lain serta Perkhidmatan telekomunikasi, komputer dan maklumat turut muncul sebagai komponen utama dalam eksport perkhidmatan PMKS sepanjang tahun tersebut.

Sektor pertanian mencatatkan eksport PMKS bernilai RM3.5 bilion pada tahun 2024 berbanding RM3.7 billion pada tahun sebelumnya, dengan penurunan 4.9 peratus. Kemerosotan ini disumbangkan oleh penurunan eksport buah-buahan seperti durian dan nanas serta ikan hiasan dan ayam/ itik, dengan nilai RM1.4 billion berbanding RM1.8 billion pada tahun 2023.

Guna Tenaga dan Produktiviti PMKS

Guna tenaga PMKS terus mencatatkan peningkatan dengan pertumbuhan tahunan yang lebih perlakuan iaitu 3.1 peratus berbanding 3.5 peratus pada tahun 2023, untuk merekodkan sejumlah 8.10 juta orang (2023: 7.86 juta orang). Sehubungan itu, sumbangan guna tenaga PMKS kepada guna tenaga Malaysia pada tahun 2024 adalah 48.7 peratus, meningkat 0.2 mata peratus berbanding tahun sebelumnya (2023: 48.5%).

Mengikut aktiviti ekonomi, guna tenaga PMKS bagi sektor Pertanian menyumbang 42.3 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini, menunjukkan peningkatan marginal 0.6 peratus kepada 800 ribu orang pada tahun 2024. Bagi sektor Perlombongan & pengkuarian, guna tenaga PMKS menyumbang 28.0 peratus atau 21 ribu orang, mencatatkan pertumbuhan 1.8 peratus dalam tempoh tersebut. Pada masa yang sama, bilangan guna tenaga PMKS dalam sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 2.7 peratus kepada 1.31 juta orang, menyumbang sebanyak 46.2 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor ini pada tahun 2024.

Guna tenaga PMKS bagi sektor Pembinaan menyumbang 48.1 peratus daripada keseluruhan guna tenaga dalam sektor ini dengan jumlah 678 ribu orang, meningkat 0.4 peratus tahun ke tahun. Penyertaan guna tenaga PMKS dalam sektor Perkhidmatan terus meningkat sepanjang tahun, menyumbang 50.8 peratus daripada jumlah guna tenaga dalam sektor Perkhidmatan. Guna tenaga PMKS dalam sektor ini meningkat 4.0 peratus kepada 5.29 juta orang, sebahagian besarnya disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan.

Ketua Perangkawan mengulas lanjut berhubung prestasi produktiviti buruh PMKS bagi tahun 2024, “Produktiviti buruh PMKS yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 2.6 peratus untuk mencatatkan nilai produktiviti sebanyak RM80,507 per pekerja (2023: RM78,475 per pekerja). Semua sektor menunjukkan peningkatan dalam produktiviti buruh, dengan pertumbuhan tertinggi produktiviti buruh

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 31 Julai 2025

PMKS direkodkan oleh sektor Pembinaan (16.8%), diikuti Pembuatan (2.2%), Perlombongan & pengkuarian (2.0%), Pertanian (1.9%), dan Perkhidmatan (1.6%)."

Dalam keluaran statistik PMKS pada hari ini, semakan telah dibuat ke atas data KDNK dan Produktiviti PMKS bagi tahun 2022 dan 2023. Namun, bagi data Eksport PMKS, semakan hanya melibatkan tahun 2023. Semakan semula ini adalah berdasarkan laporan tahunan syarikat yang dikemaskini, Profil PMKS daripada Banci Ekonomi 2023 serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan. Semakan semula ini adalah berpandukan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan ketepatan masa statistik tersebut.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengarusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.


OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
31 JULAI 2025**

LAMPIRAN


Carta 1: KDNK Malaysia, PMKS dan Bukan PMKS pada Harga Malar, 2021-2024 – Perubahan Peratusan Tahunan



Nota:


- Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
- Pertumbuhan KDNK PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013
- Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Lama KDNK PMKS bagi 2013
- Pertumbuhan KDNK Bukan PMKS berdasarkan Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2014 berbanding Definisi Baharu KDNK PMKS bagi 2013

Carta 2: Nilai Ditambah dan Sumbangan KDNK PMKS kepada KDNK Malaysia pada Harga Malar 2015, 2016-2024




LAMPIRAN

Carta 3: Peratus Sumbangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Eksport PMKS mengikut Sektor, 2016-2024




Carta 4: Bilangan dan Perubahan Peratusan Tahunan Guna Tenaga, 2017-2024




LAMPIRAN

Carta 5: Bilangan Pertubuhan PMKS mengikut Negeri, 2024



Carta 6: Peratus Sumbangan Bilangan Pertubuhan PMKS mengikut Sektor, 2024



MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MALAYSIA'S MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES (MSMEs) PERFORMANCE 2024

***Gross Domestic Product (GDP) of MSMEs grew 5.8 per cent, contributing
39.5 per cent to Malaysia's economy in 2024***

PUTRAJAYA, 31 JULY 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the statistics of Malaysia's Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs) for the year 2024. These statistics include MSME's contribution to the economy in terms of Gross Domestic Product (GDP), Exports and Employment.

Malaysia's MSMEs demonstrated resilience and adaptability amid a challenging global landscape in 2024, with growth driven largely by the continued revival of tourism and consumer-related activities. Tourism-related industries such as wholesale & retail trade, food & beverages, accommodation and transportation remained the backbone of MSMEs' performance. A surge in international tourist arrivals, particularly from China and India, coupled with favourable exchange rates has boosted Malaysia's appeal as a tourist destination. The government continues to support MSMEs in enhancing their capacity and capability through digitalisation and innovation, as well as increasing their competitiveness in the global market.

Malaysia's MSMEs' GDP grew by 5.8 per cent in 2024, contributing RM652.4 billion in value added, or 39.5 per cent of Malaysia's GDP. MSMEs recorded a slightly higher growth compared to Malaysia's overall GDP growth of 5.1 per cent in 2024. For comparison, the MSMEs' GDP increased by 4.9 per cent in 2023, with a value added of RM616.6 billion.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The expansion was supported by steady performance in the Services and Manufacturing sectors, which comprise 84.7 per cent of the MSMEs' GDP. This was followed by the Agriculture (8.7%), Construction (5.0%), and Mining & quarrying (0.5%) sectors. In terms of sectoral performance, the Services sector expanded by 5.7 per cent in 2024 as compared to 6.5 per cent in the preceding year. The favourable performance was

underpinned by increases in the Wholesale & retail trade, food & beverages and accommodation (4.5%); Finance, insurance, real estate & business services (8.4%); and Transportation & storage and information & communication (8.6%). The Manufacturing sector rose by 5.0 per cent in 2024 (2023: 1.5%), driven by better growth in production of Others manufacturing (3.9%), Non-metallic mineral products, basic metal & fabricated metal products (8.1%) and Food, beverages and tobacco (5.3%).”

In addition, the value added of MSMEs in the Agriculture sector showed better growth of 2.5 per cent, following a marginal growth of 0.8 per cent in 2023. This performance was supported by the Rubber, oil palm, livestock & other agriculture (2.6%) and Fishing (3.1%) sub-sectors. The Construction sector grew substantially by 17.3 per cent from 5.8 per cent in 2023. Simultaneously, the Mining & quarrying sector increased by 3.8 per cent (2023: 4.4%).

MSMEs' Exports

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “Exports of MSMEs in 2024 amounted to RM196.8 billion, recording growth of 31.3 per cent compared to 3.0 per cent in 2023. This increase was supported by the Services and Manufacturing sectors, which grew by 114.8 per cent (2023: 16.4%) and 7.9 per cent (2023: -0.7%), respectively. MSMEs' exports accounted for 14.3 per cent of the total exports in 2024, comprising the Manufacturing sector (8.8%), followed by Services (5.2%) and Agriculture (0.3%) sectors.”

Exports of MSMEs in the Manufacturing sector increased to RM122.0 billion in 2024 as compared to RM113.1 billion in 2023. Miscellaneous manufactured articles, machinery & transport equipment and manufactured goods were the main drivers of this sector, accounting for 60.3 per cent of the share in 2024. Singapore was the main destination for MSMEs' exports in the Manufacturing sector, with a share of 16.0 per cent, followed by China (13.6%) and the United States of America (12.3%).

Concurrently, Malaysia's MSMEs in the Services sector demonstrated notable export performance in 2024, with the total exports soaring from RM33.2 billion in 2023 to RM71.3 billion. The surge was largely propelled by travel-related exports, in tandem with a strong revival in international visitor arrivals, which increased from 29.0 million to 38.0 million persons. Alongside travel, Other business services and Telecommunication, computer and information services also emerged as key components of MSMEs services exports during the year.

The Agriculture sector recorded MSMEs' exports worth RM3.5 billion in 2024, compared to RM3.7 billion in the previous year, representing a decrease of 4.9 percent. This decrease was influenced by lower exports of fruits such as durian and pineapple, as well as ornamental fish and poultry, with a value of RM1.4 billion compared to RM1.8 billion in 2023.

MSMEs' Employment and Productivity

MSMEs' employment continued to register an increase, albeit at a slower annual growth of 3.1 per cent as compared to 3.5 per cent in 2023, reaching a total of 8.10 million persons (2023: 7.86 million persons). Accordingly, the contribution of MSMEs' employment to Malaysia's total employment in 2024 was 48.7 per cent, an increase of 0.2 percentage points compared to the previous year (2023: 48.5%).

By economic activity, MSMEs' employment in the Agriculture sector contributed 42.3 per cent of overall employment in this sector, showing a marginal increase of 0.6 per cent to 800 thousand persons in 2024. In the Mining & quarrying sector, MSMEs' employment accounted for 28.0 per cent or 21 thousand persons, registering a growth of 1.8 per cent during the period. Meanwhile, the number of MSMEs' employment in the Manufacturing sector posted an increase of 2.7 per cent to 1.31 million, contributing 46.2 per cent of the total employment in this sector during 2024.

MSMEs' employment in the Construction sector accounted for 48.1 per cent of the total employment in this sector, with a total of 678 thousand persons, increasing by 0.4 per cent year-on-year. The participation of MSMEs' employment in the Services sector increased throughout the year, contributing 50.8 per cent of the total employment in the Services sector. MSMEs' employment in this sector grew by 4.0 per cent to 5.29 million persons, mainly driven by the Wholesale & retail trade, food & beverage and accommodation sub-sector.

The Chief Statistician further highlighted MSMEs' labour productivity performance during 2024, "MSMEs' labour productivity, as measured by value added per employment improved by 2.6 per cent, reaching RM80,507 per person (2023: RM78,475 per person). All sector recorded growth in labour productivity, with the highest growth was recorded in the Construction sector (16.8%), followed by the Manufacturing (2.2%), Mining & quarrying (2.0%), Agriculture (1.9%) and Services (1.6%) sectors.

In today's release of MSME statistics, revisions were made to the MSMEs' GDP and Productivity data for the years 2022 and 2023. However, for MSMEs' Exports, the revisions only involves the year 2023. These revisions are based on updated company annual reports, the MSMEs' Profile from the Economic Census 2023 and secondary data from relevant agencies. These revisions comply with best statistical practices aligned with international standards to ensure the reliability, comparability and timeliness of the statistics.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 31 July 2025

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.


OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
31 JULY 2025**

APPENDIX


**Chart 1: GDP of Malaysia, MSMEs and Non-MSMEs
at Constant Prices, 2001-2024 – Annual Percentage Change**



Notes:

- ¹Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition
- ²Growth of MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' Definition
- ³Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 Old MSMEs' Definition
- ⁴Growth of Non-MSMEs' GDP based on 2014 New MSMEs' Definition versus 2013 New MSMEs' GDP Definition

**Chart 2: Value Added and Contribution of MSMEs' GDP to Malaysia's GDP
at Constant 2015 Prices, 2016-2024**



APPENDIX

Chart 3: Percentage Share and Annual Percentage Change of MSMEs' Exports by Sector, 2016-2024





Chart 4: Number and Annual Percentage Change of Employment, 2017-2024



APPENDIX

Chart 5: Number of MSME Establishments by State, 2024




Chart 6: Percentage Share of MSME Establishments by Sector, 2024

